

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

IBU TUNGGAL EMPAT ANAK RAIH ANUGERAH HERO PEKERJA PEMBERSIHAN

MELAKA, 18 APRIL 2020 – Seorang ibu tunggal, Rohani binti Yasin, 53, telah dipilih sebagai penerima Anugerah Hero Pekerja Pembersihan mewakili Melaka sempena sambutan Hari Pekerja Pembersihan 2020 (*Garbage Man Day 2020*) yang berlangsung semalam.

Rohani yang mempunyai empat orang anak merupakan Pekerja Rendah Am (PRA) sapaan di SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) cawangan Alor Gajah dan sudah berkhidmat sejak 11 tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif SWM Environment, Ho De Leong berkata, pemilihan Rohani dibuat berdasarkan pencapaiannya yang cemerlang, komitmen tinggi terhadap kerja serta mempunyai hubungan baik dengan rakan sekerja.

“Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan kepada pekerja pembersihan sebagai hero yang bertungkus lumus memastikan keselesaan masyarakat dengan menjaga kebersihan persekitaran. Semoga anugerah ini dapat membuka mata orang ramai bahawa pekerja pembersihan juga mempunyai sumbangan penting terhadap negara,” katanya.

Sambutan Hari Pekerja Pembersihan 2020 dianjurkan julung kalinya oleh Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) bagi menghargai sumbangan pekerja pembersihan termasuk memilih Anugerah Hero Pekerja Pembersihan dari setiap negeri yang diwakili syarikat konsesi.

Anugerah telah disampaikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin dalam satu majlis yang berlangsung di Ibu Pejabat SWCorp, Cyberjaya pada semalam (Rabu, 17 Jun 2020), termasuk hadiah wang tunai RM1,500 dan sijil kepada setiap pemenang.



Sementara itu, Rohani berkata, dia tidak pernah malu dengan pekerjaannya sebagai pekerja sapuan sampah yang menjadi sumber rezeki utama bagi menanggung keluarga setelah kematian suaminya, Mohd Rashid Sampay yang juga merupakan pekerja SWM Environment kira-kira dua tahun lalu.

“Malah, saya berbangga kerana dengan pekerjaan ini saya mampu menyara anak-anak dan memastikan mereka berjaya dalam pelajaran serta mencapai impian dan cita-cita,” katanya. Dua daripada empat orang anak Rohani telah pun berjaya mencapai taraf Diploma dalam pelajaran mereka setakat ini.

Bersyukur dipilih untuk Anugerah Hero Pekerja Pembersihan, Rohani berazam menjadikan pengiktirafan ini sebagai pemangkin semangat untuk terus bekerja bersungguh-sungguh.

“Selagi mempunyai kudrat, saya akan terus bekerja bagi memastikan aspek kebersihan khususnya di Alor Gajah sentiasa terjaga,” katanya.

BIODATA ROHANI BINTI YASIN

Nama penuh: Rohani binti Yasin

Umur: 53

Asal: Alor Gajah, Melaka

Jawatan: Pekerja Rendah Am (PRA) sapuan di SWM Environment Sdn Bhd

Tempoh perkhidmatan: 11 tahun (sejak 2009)

Pencapaian: Anugerah Pekerja Cemerlang 2018

Nama arwah suami: Mohd Rashid Sampay

Anak: Empat orang (tiga lelaki, seorang perempuan)

Nama anak-anak:

- i. Muhammad Mustaqim, 24 Tahun
Pendidikan: SPM
- ii. Muhammad Danial, 21 Tahun



SWM ENVIRONMENT

- iii. Pendidikan: Diploma Kimpalan, Kolej Vokasional Md Zin Alor Gajah
Nurul Ain, 19 Tahun
Pendidikan: Diploma Pengurusan Industri Halal, Kolej UNITI Port Dickson
- iv. Muhammad Luqman Hakim, 16 Tahun
Pendidikan: Tingkatan empat di SMK Dato Dol Said

TAMAT

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 30 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Google Play*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Noor Che Wah Ramli

Eksekutif Kanan Jabatan Komunikasi Korporat

SWM Environment Sdn Bhd

Lot 4B-17,18,19, Jalan TTC 26,

Kawasan Perindustrian Cheng,

75250 Melaka.

(Tel) 06-3350191

(Faks) 06-3350117

(Emel) wah.ramli@swmsb.com